

AWAS PENJENAYAH SIBER!



PENGGUNA pada era milenium sangat beruntung kerana dapat memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi yang tidak dibatasi oleh sempadan geografi, bahkan mampu meneroka seluruh pelosok dunia hanya dengan menggunakan hujung jari. Dengan melayari internet, pengguna dapat berhubung dan berkomunikasi serta melakukan pelbagai aktiviti di alam siber. Aktiviti jual beli dan mempromosikan barangan secara dalam talian adalah antara kegiatan yang sangat popular dilakukan oleh pengguna pada hari ini.

Sementara itu, walaupun kaedah e-dagang atau e-perniagaan sudah lama digunakan pada peringkat global, khususnya di negara maju, dalam kalangan rakyat Malaysia kemudahan ini dianggap masih relatif baharu. Hal ini dikatakan demikian kerana sebelum ini pengguna di Malaysia masih ragu-ragu akan keberkesanan jual beli melalui e-perniagaan ketika kaedah ini mula-mula diperkenalkan. Hanya sekitar tahun 2009 kemudahan ini mula diterima dalam kalangan pengguna tempatan dan seterusnya berkembang serta semakin popular pada tahun-tahun berikutnya.

Oleh sebab sistem perniagaan e-dagang masih baharu dan pengguna

internet di negara ini begitu teruja untuk mencubanya, maka tidak banyak yang sedar akan risikonya. Pengguna harus menyedari haknya sebagai pengguna dan bertindak secara bijaksana. Antara hak pengguna yang perlu diketahui dan difahami termasuklah tanggungjawab mereka untuk mendapatkan maklumat. Hal ini bermaksud bahawa pengguna mesti diberi maklumat yang cukup dan tepat untuk memudahkannya membuat

Antara risiko yang terdedah kepada pengguna internet termasuklah apabila mereka membuat pembayaran pendahuluan barangan yang ingin dibeli secara dalam talian, tetapi tidak menerima barangan tersebut yang biasanya dihantar melalui pos.

keputusan yang bijak ketika berurusan melalui internet.

Namun demikian, walaupun dalam konteks Malaysia yang dikatakan masih baharu dari segi penggunaan kaedah perniagaan secara dalam talian, didapati bahawa salah laku oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan terhadap pengguna yang tidak arif tentang e-perniagaan dapat dikesan sudah banyak berlaku.

Antara risiko yang terdedah kepada pengguna internet termasuklah apabila mereka membuat pembayaran pendahuluan terhadap barangan yang ingin dibeli secara dalam talian, tetapi tidak menerima barangan tersebut yang biasanya dihantar melalui pos. Hal ini selalunya melibatkan barangan yang dibeli oleh pengguna menerusi blog, laman sosial, atau e-mel terus daripada individu tertentu yang tidak dikenali dan tidak disahkan, sama ada berdaftar atau tidak sebagai peniaga dalam talian.

Selain itu, berkemungkinan juga pengguna terpedaya kerana melayari laman web palsu atau laman tiruan yang menyerupai laman web berdaftar yang dikenal sebagai sebagai laman web *phishing*. Pengguna sukar untuk

perkara yang perlu diambil kira oleh pengguna sebelum membuat pembelian menerusi internet. Pengguna juga seharusnya meneliti rekod penjual, sama ada baik atau tidak, dan jangan sesekali memasukkan duit sebelum mendapat barang pesanan.

Sementara itu, bagi membanteras kes yang semakin meningkat dalam kalangan penjenayah e-perniagaan atau e-dagang yang semakin pintar menjerut mangsa, agensi yang berkaitan dengan usaha pemantauan hal yang berkaitan dengan industri siber, CyberSecurity Malaysia, sentiasa memberikan perhatian yang serius untuk menanganinya.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Amirudin Abdul Wahab, antara bentuk penipuan yang dikesan dilakukan oleh penjenayah terbabit ialah penjual menipu

pemberitahuan palsu tersebut terdapat menghantar barang kepada pembeli, tetapi wang tidak dimasukkan pun dalam akaun penjual.

Sebenarnya agak sukar untuk membuktikan penipuan yang berlaku dalam jual beli secara dalam talian ini dan seterusnya mendapatkan semula wang pendahuluan atau barangan yang telah dikirimkan, bahkan agak payah juga untuk mendapat pembelaan yang sewajarnya sekiranya berlaku pertikaian dalam urusan jual beli secara dalam talian ini.

Namun demikian, sikap pengguna agar sentiasa berhati-hati dan tidak mudah terpengaruh dengan promosi yang "terlalu" menarik dalam internet sangat penting untuk memastikan kejadian penipuan sedemikian dapat dibendung. Pengguna seharusnya berusaha mendapatkan

pengamalkan dasar jual beli barangan yang jelas mengikut amalan e-perniagaan yang baik. Hal tersebut dapat dilakukan dengan menjalankan kaji selidik terhadap, sebarang syarikat perniagaan secara dalam talian ataupun dengan mengenal pasti pensijilan pihak ketiga, seperti Malaysia Trustmark.

Logo Malaysia Trustmark yang dipaparkan di laman web e-perniagaan menunjukkan bahawa syarikat e-perniagaan tersebut telah disahkan berdaftar dan mengamalkan dasar e-perniagaan yang selamat. Dengan hal demikian, pengguna internet di Malaysia yang membuat pembelian secara dalam talian dapat meningkatkan keyakinan untuk memanfaatkan sistem tersebut melalui kaedah pengesahan daripada pihak ketiga, iaitu organisasi bebas yang diberi kepercayaan oleh kerajaan untuk menilai dan memantau pemilik e-perniagaan tersebut.

Di sisi peniaga pula, mereka berhadapan dengan cabaran yang besar untuk memastikan laman e-perniagaan mereka selamat. Cabaran tersebut antara lain termasuklah mengenal pasti kelemahan dan risiko laman web mereka digodam oleh penjenayah siber dan seterusnya, mengambil langkah berjaga-jaga dengan cara pemasangan peralatan dan perisian tertentu bagi mengatasi risiko tersebut.

Untuk menangani hal ini, CyberSecurity juga mengadakan kerjasama dengan persatuan pengguna dan PDRM untuk membendung jenayah siber. Malaysia Trustmark yang merupakan inisiatif kerajaan turut melibatkan pelbagai agensi seperti, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Bank Negara Malaysia (BNM) serta Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Sementara itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta agensi di bawahnya, sentiasa prihatin terhadap perkembangan perniagaan secara dalam talian dan keselamatan pengguna. **DE**



Logo Malaysia Trustmark yang dipaparkan di laman web e-perniagaan menunjukkan bahawa syarikat e-perniagaan tersebut telah disahkan berdaftar dan mengamalkan dasar e-perniagaan yang selamat.

pembeli dengan mengiklankan jualan barang di internet dengan harga yang cukup menarik. Setelah pembeli atau pengguna membuat pembayaran, barang tidak diterima langsung.

Selain kes pengguna ditipu oleh penjual, terdapat juga kes yang melibatkan penjual sendiri yang dipedaya oleh pembeli atau pengguna. Antara bentuk penipuan begini ialah apabila pembeli menipu penjual dengan cara membeli barangan secara dalam talian di laman e-perniagaan yang sah, tetapi bayaran dibuat dengan menggunakan maklumat kad kredit, seperti nombor kad kredit yang dicuri atau kad kredit yang diklon.

CyberSecurity juga mengesan kes pembeli menipu penjual yang mengiklankan barang untuk dijual di internet. Pembeli memalsukan pembayaran dengan menghantar pemberitahuan palsu kepada penjual, kononnya dari PayPal dengan mengatakan wang sudah dimasukkan oleh pembeli dalam akaun penjual. Penjual yang tertipu dengan

maklumat yang lengkap tentang urusan jual beli dan dengan pihak mereka berurusan supaya tidak menjadi mangsa penipuan siber.

Di samping itu, pengguna perlu memastikan peniaga secara dalam talian merupakan syarikat yang berdaftar dan